

Pengenalan "UNTUNG"

Menurut Kamus Dewan Hasil pendapatan atau perolehan daripada sesuatu ,kegiatan seperti perusahaan ,perniagaan yang melebihi modal serta segala perbelanjaan yang berkaitan.

Kamus Harrap's Dictionary Of Business Finance Lebihan wang yang diperolehi oleh firma atau perusahaan selepas semua perbelanjaan diselesaikan dalam satu tempoh pengiraan sesuatu akaun.

Bahasa Indonesia Perkataan untung sinonim dengan perkataan laba

Bahasa Inggeris Sebagai profit

Dari segi ekonomi Sejumlah bayaran kepada faktor-faktor pengeluaran setelah ditolak daripada pendapatan bagi hasil keluaran sesebuah syarikat.

Untung Menurut Perspektif Islam

Untung dalam bahasa Arab disebut al-ribh yang berasal daripada kata dasar rabiha. Rabiha membawa maksud pertambahan atau pertumbuhan dalam kegiatan perniagaan.

Untung Menurut Perspektif Islam (cont)

Majoriti ahli tafsir mereka memberikan takrifan untung berpan-dukun surah Al-Baqarah Ayat Ke-16 yang membawa maksud:

"Mereka itulah orang yang memberi kesesatan dengan petunjuk'maka tidak beruntunglah perniagaan mereka dan tidaklah mereka mendapat petunjuk".

Pandangan Imam Al-Tabari Suatu barangan yang dimiliki sama atau melebihi harga belian barang tersebut.

Pandangan Al-Nisaburi Keuntungan adalah suatu tambahan ke atas modal dan perniagaan pula ialah suatu usaha untuk mendapatkan lebih modal (tahsil al-ziyadah 'ala ra's al-mal).T-etapi pandangan yang dikemukakan lebih tepat digunakan untuk tujuan mendefinisikan perniagaan kerana keuntungan wujud di dalamnya.

Pandangan Al-Qurtubi Maksud untung perniagaan dalam surah Al-Baqarah merujuk kepada kebiasaan orang Arab yang sering mengungkapkan ayat rabaha bai'uka yang bermaksud 'beruntunglah perniagaan kamu' atau khasarat safaqtuka yang bermaksud 'rugilah transaksi kamu'.

Untung Menurut Perspektif Islam (cont)

Pandangan Imam Al-Alusi Usaha untuk mendapatkan lebih modal melalui modal atau tahsil al-ziyadah al-ra's al-mal.

Pandangan Rashid Rida Dalam tafsirnya al-Manar menyatakan bahawa sesungguhnya mereka (orang-orang munafik)itu lebih suka memilih kesesatan daripada petunjuk demi sesuatu keuntungan yang mereka yakin dapat diperoleh daripada orang lain.

Pembahagian Keuntungan:Pendekatan Fuqaha'

Membahagikan keuntungan kepada dua bentuk iaitu: 1)Al-Ghabn Al-Fahisy

Pembahagian Keuntungan:Pendekatan Fuqaha'

Membahagikan keuntungan kepada dua bentuk iaitu: Al-Ghabn Al-Fahisy dan Al-Ghabn Al-Yasir.

Namun terdapat dua pendekatan di mana ulama fiqh berbeza pendapat dalam menentukan ukuran bagi membezakan antara al-ghabn al-fahisy dan al-ghabn al-yasir. Pendekatan pertama menggunakan ukuran yang tetap(al-mi'yar al-jam-id)dan kedua ialah ukuran yang fleksibel(al-mi'yar al-marin).



By farhanaaasyamiraaaa

Not published yet.

Last updated 9th July, 2020.

Page 1 of 2.

Sponsored by **CrosswordCheats.com**

Learn to solve cryptic crosswords!

<http://crosswordcheats.com>

Pendekatan Pertama:Ukuran Tetap

Al-Khajnadi Dari golongan Hanafi melihat al-ghabn al-fahisy adalah pada takat melebihi nisf al-usyur,manakala al-ghabn al-yasir pula tidak melebihi(nisf al-usyur)atau tepat pada kadar nilf al-usyur.

Ibn Yahya Al-Balkhi Al-Ghabn pada barang perniagaan (al-arud)adalah nilf al-usyur,pada haiwan adalah al-usyur iaitu persepuluh(1/10)dan pada barangan tak alih atau al-aqar seperti bangunan adalah sebanyak al-khumus atau satu perlima(1/5).

Golongan Syafi Melihat Al-Ghabn Al-Fahisy berlaku ketika mana kadar keuntungan yang diambil adalah melebihi al-thuluth ataupun satu pertiga(1/3).

Golongan Hanbali Al-Ghabn -Al-Fahisy adalah pada kadar al-thuluth atau satu pertiga(1/3),atau sudus iaitu satu per enam(1/6).

Golongan Ibadiyyah Menetapkan kadar al-thuluth atau satu pertiga(1/3) atau lebih dalam menganggap sesuatu lebihan yang wujud dala urusniaga sbgai Al-Ghabn--Al-Fahisy

Pendekatan Kedua:Ukuran Yang Fleksibel

Ibnu Abidin Suatu nisbah (keuntungan) yang tidak termasuk dalam penetapan taksiran oleh pihak pentaksir(al-muqawwim).

Pendekatan Kedua:Ukuran Yang Fleksibel (cont)

Sebahagian Ulama Mereka hanya berbeza Dari Kalangan Maliki pandangan dalam penetapan memberikan pilihan kadar al-ghabn tersebut sama sekiranya berlaku Al-Ghabn Al-Fahisy ada pada kadar satu pertiga(1/3) atau lebih.

Al-Mardawi Nisbah Al-Ghabn atau keuntungan perlu mengambil kira al-uruf semasa(kebiasaan) dan bersesuaian dengan tahap masalah yang dihadapi.

Kesimpulan

Secara kesimpulannya,dapat disimpulkan bahawa konsep untung dalam Islam seperti mana yang diperbhasakan oleh para fuqaha'begitu jelas sekali di mana para peniaga boleh menjadikannya sebagai panduan dalam menentukan kadar dan nisbah yang munasabah bagi sesuatu barangan atau perkhidmatan yang akan diniagakan.Selain itu,keuntungan dapat disimpulkan bahawa dalam ekonomi konvensional mahupun Islam sentiasa berubah dari semasa ke semasa bagi memenuhi matlamat yang satu iaitu unuk keperluan manusia sepenuhnya.



By farhanaaaasyamiraaaa

cheatography.com/farhanaaaasyamiraaaa/

Not published yet.

Last updated 9th July, 2020.

Page 2 of 2.

Sponsored by **CrosswordCheats.com**

Learn to solve cryptic crosswords!

<http://crosswordcheats.com>